

02/01/2002

Kumpulan MCA janji kerjasama

Munaarfah Abu Bakar; Wan Esuriyanti Wan Ahmad

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, dua kumpulan yang berbalah dalam MCA memberi jaminan akan bekerjasama bagi memastikan kemenangan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil Indera Kayangan, Perlis.

Perdana Menteri berkata, pada pertemuan berasingan dengan Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan timbalannya, Datuk Lim Ah Lek, semalam, kedua-dua pemimpin itu berjanji untuk memberi tumpuan bagi membantu BN sepanjang kempen pilihan raya kecil itu.

"Saya nasihatkan mereka lupakan saja masalah dalaman mereka dan tumpukan kepada kemenangan di Indera Kayangan.

"Mereka semua setuju untuk bekerjasama bagi menentukan calon BN mendapat kemenangan di Indera Kayangan," katanya selepas Majlis Rumah Terbuka Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN, mengadakan pertemuan sejam dengan Dr Ling di Putrajaya pada 2.45 petang semalam dan pada 4.50 petang pula Perdana Menteri dikunjungi Lim serta Naib Presiden MCA, Datuk Chua Jui Meng dan Ahli Jawatankuasa Pusat (CC) parti itu, Datuk Wong Mook Leong.

Dr Ling dan Lim yang ditemui pemberita selepas pertemuan itu memberitahu, MCA akan berkempen sebagai satu pasukan pada pilihan raya kecil itu.

Dr Mahathir berkata, semua masalah dalaman membabitkan dua kumpulan itu akan dibincangkan selepas pilihan raya kecil berkenaan.

Ditanya sama ada calon yang akan bertanding mewakili kumpulan tertentu dalam parti berkenaan, Perdana Menteri berkata, calon yang dipilih bukan mewakili MCA, sebaliknya BN.

Mengenai sama ada wujud persetujuan antara kedua-dua kumpulan terbabit bagi menentukan calon pilihan raya kecil itu, Dr Mahathir berkata, beliau tidak tahu menahu mengenai perkara itu.

Bagaimanapun, Dr Mahathir yakin masalah dalaman MCA dapat diselesaikan berikutan kesediaan dua kumpulan terbabit untuk bekerjasama sebagai satu pasukan.

Katanya, jaminan kedua-dua kumpulan itu adalah satu permulaan ke arah penyelesaian segala masalah dalaman MCA.

Beliau turut yakin calon yang dipilih mendapat sokongan kedua-dua kumpulan dalam MCA.

Ditanya siapa calon BN bagi kerusi Indera Kayangan, Dr Mahathir berkata: "Saya belum pilih lagi... nanti saya beritahulah kemudian."

Perdana Menteri berkata, pengumuman mengenai calon itu dibuat sebaik saja keadaan memerlukan.

Mengenai jumlah calon yang dicadangkan MCA, sambil berseloroh Dr Mahathir berkata: "Saya mempunyai 5,000 hingga 6,000 calon."

(END)